KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20.04.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			

Rugi RM20,000 sarang kelulut dirosakkan beruang

Kuala Krai: Seorang pengusaha madu kelulut kerugian hampir RM20,000 selepas 30 daripada 180 sarang kelulut dimusnahkan beruang yang memasuki kawasan kebunnya sejak Disember tahun lalu.

Che Awang Mat Zin, 69, berkata beruang yang berkeliaran di kawasan kebunnya pada waktu malam merosakkan sarang kelulut yang berharga RM700 setiap satu.

Setiap pagi apabila dia ke kebun untuk melihat log sarang kelulut, pasti akan ada dua atau tiga log sarang kelulut yang dirosakkan haiwan ini.

"Kebiasaannya, pendapatan hasil daripada menjual madu kelulut saya gunakan untuk membeli atau menambah log sarang kelulut, namun sejak penghujung tahun lalu sudah banyak log sarang kelulut dimusnahkan beruang dan saya berasa sangat sedih.

"Bagi mengelakkan terus menanggung kerugian, saya sudah membuat laporan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan untuk tindakan segera dan perangkap pun sudah dipasang, namun ia masih belum berhasil," katanya ditemui di kebun kelulutnya di Kampung Geretak Kangkong.

Bapa kepada lapan anak berusia di antara 23 hingga 39 tahun ini berkata, selepas bersara pada 2011 sebagai kakitangan Kementerian Kesihatan, dia mengusahakan penternakan kelulut pada 2014 dengan permulaan 20 log sarang kelulut di kawasan rumahnya.



Che Awang menunjukkan sarang kelulut yang dimusnahkan beruang di Kampung Geretak Kangkong, Kuala krai. (Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

Disebabkan madu kelulut mendapat permintaan tinggi, Che Awang menambah log sarang kelulut ini secara berperingkat hingga memiliki 180 log sarang kelulut.

Kebiasaannya beliau akan menuai kelulut tiga kali setahun dan hasil yang diperoleh pada setiap kali tuaian adalah di antara 200 hingga 300 kilogram.

"Madu kelulut yang diusahakan ini dijual bagi pasaran di seluruh negara, malah permintaan madu kelulut juga meningkat ketika pandemik COVID-19," katanya.